

04 SEP 1996

Ling-Keretapi

LING LAWAT CHINA DAN MYANMAR UNTUK BINCANG LALUAN KERETAPI

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan melawat China dan Myanmar pada akhir bulan ini untuk membincangkan mengenai cadangan laluan keretapi dari Singapura ke Kunming di selatan China.

Beliau akan juga mengadakan perbincangan dengan China dan Myanmar untuk melihat bagaimana mereka boleh dihubungkan dengan Keretapi Merentasi Asia, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Dr Ling berkata perbincangan akan juga diadakan dengan China mengenai bagaimana ia boleh bekerjasama dengan Myanmar untuk membawa negara itu ke dalam laluan keretapi berkenaan.

Pada masa ini tidak ada hubungan keretapi antara China dan Myanmar.

"Landasan baru perlu dibina (untuk menghubungkan kedua-dua negara)," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan laluan keretapi itu pada Sidang Kemuncak Asean di Bangkok, Disember lepas.

Cadangan itu disokong oleh kesemua negara Asean di samping Kemboja, Laos dan Myanmar.

Dr Ling berkata laluan keretapi itu dibincangkan pada mesyuarat Kabinet hari ini dan Dr Mahathir berminat untuk melihat Laos dan Myanmar tidak diketepikan dalam projek itu.

Beliau berkata semasa lawatan selama satu minggu itu, beliau akan juga berbincang dengan China mengenai kemungkinan mendapatkan lebih banyak hak pendaratan bagi Penerbangan Malaysia, terutama di Shanghai dan Kunming.

"Kini kita mengadakan penerbangan ke Kwangjung dan Beijing sahaja," katanya.

-- BERNAMA

NZ AKD